

**TEKS UCAPAN  
Y.BHG. PROF. DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**SIRI SYARAHAN PERDANA 1/2021  
(PROF. DATUK DR. MOHD TAIB DORA)**

**2 April 2021 (Jumaat), 9.00 pagi**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

**1. Yang Berbahagia Prof. Dr. Zulkifilie bin Ibrahim**

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**2. Yang Berbahagia Prof. Dr. Ghazali bin Omar**

Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**3. Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Nurulfajar bin Abd Manap**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

**4. Penolong-Penolong Naib Canselor**

**5. Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Safiah binti Sidek**

Dekan, Institut Pengurusan Teknologi & Keusahawanan

## **6. Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Hj Mohd Taib bin Hj. Dora**

Pengucaptama bagi Siri Syarahan Perdana kali ini.

Pegawai-Pegawai kanan universiti, staf, hadirin dan hadirat sekalian.

1. Pertama sekali, marilah kita melafazkan rasa syukur ke hadrat Ilahi, kerana dengan Inayah dan Kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berhimpun pada pagi Jumaat yang penuh barakah ini bersempena Program Syarahan Perdana, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, bagi siri pertama tahun 2021.

## **Hadirin dan Hadirat Sekalian,**

2. Penganjuran Program Perkongsian Ilmiah seumpama ini merupakan platform terbaik bagi bagi ilmuan universiti terutamanya di kalangan para Profesor untuk berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman meluas dalam bidang kepakaran masing-masing bersama seluruh warga Universiti. Berdasarkan perancangan Universiti menerusi Pusat Kecemerlangan dan Kesarjanaan Akademik (CAES),

kita berhasrat untuk menganjurkan sebanyak empat siri syarahan perdana Profesor pada tahun ini.

3. Alhamdulillah, siri pertama perkongsian ilmiah bagi tahun 2021 ini dimulakan dengan perkongsian dari Profesor Datuk Dr. Hj. Mohd. Taib bin Hj. Dora, Profesor dari Institut Pengurusan Teknologi & Keusahawananatau IPTK, dengan tajuk Kemahiran Kepimpinan Dalam Memacu Perubahan Organisasi.

**Hadirin hadirat sekalian,**

4. Sebelum kita teruskan agenda perkongsian pada pagi ini, izinkan saya untuk mengambil sedikit masa tuan-tuan dan puan-puan untuk kita bersama-sama mengenali pengucaptama kita pada hari ini.

- Profesor Datuk Dr. Hj. Mohd. Taib bin Hj. Dora dilahirkan pada 5 Julai 1961 di Kampung Tanjung Bidara, Masjid Tanah Melaka. Sejarah akademik peringkat tertiar beliau bermula pada tahun 1980 iaitu apabila berpeluang

melanjutkan pengajian ke Universiti Malaya dan memperolehi ijazah sarjana muda empat tahun kemudian.

Pada tahun 1985, beliau ditawarkan jawatan sebagai Penolong Pensyarah A (PPA) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan berkhidmat sehingga 2004.

- Semasa sedang berkhidmat, Profesor Datuk Taib kemudian meneruskan pengajiannya dan berjaya mendapat Sarjana pada tahun 1991.

- Kejayaan itu sekali gus membolehkan beliau bertukar jawatan iaitu daripada PPA kepada pensyarah. Beliau kemudian meneruskan lagi pengajian dan pada tahun 1997, berjaya memperolehi Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Sosiologi Bandar.
- Semasa bertugas di UTM (1985 – 2004), Profesor Datuk Taib pernah dilantik sebagai Ketua Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Pengurus Operasi Pusat

Kajian Dasar dan Polisi Teknologi, serta Dekan Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia.

- Selain itu, beliau juga adalah ahli Kumpulan Perintis Penubuhan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) pada tahun 2000.
- Sepanjang berkhidmat di UTeM dari 2004 hingga kini, Profesor Datuk Taib pernah menjadi Dekan Pusat Pengajian Siswazah (2004-2007) dan Dekan Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (2007-2011).

- Beliau juga merupakan Ketua Editor Journal of Human Capital Development (JHCD), terbitan Penerbit UTeM dari 2008 hingga kini dan turut menjadi Pengurus Jawatankuasa Penerbitan Universiti dalam bidang Sains Sosial.
- Beliau juga adalah Profesor dalam bidang Sosiologi Bandar dan Pembangunan Manusia di Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK).

- Profesor Datuk Taib pernah menjadi Felo Penyelidik di Centre For Asian Studies (CASA), University of Amsterdam, Holland pada tahun 1995, Felo Penyelidik di Centre For Southeast Asian Studies (CSEAS), Kyoto University, Jepun (1999) serta Profesor Pelawat serta Penyandang Kursi Pengajian Melayu China di Beijing Foreign Studies University (BFSU), Beijing, China (2011 – 2015).

- Selain itu, beliau juga terlibat dalam 40 penyelidikan, menghasilkan 15 buku karya asli, 28 artikel jurnal, 14 artikel dalam majalah dan 91 kertas kerja/ prosiding di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia tiada siapa yang tahu. Begitulah dengan diri Profesor Datuk Dr. Mohd Taib. Bintang beliau terus bersinar apabila diberi kepercayaan untuk menjadi Naib Canselor Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM).

- Beliau kemudian berkhidmat secara pinjaman di KUIM mulai tahun 2015 hingga tahun 2018. Kecemerlangan yang ditunjukkan sewaktu menerajui KUIM, menyebabkan Profesor Datuk Dr. Mohd Taib diberi kepercayaan sekali lagi oleh kerajaan negeri Melaka untuk menjadi Naib Canselor bermula 1 Mei 2020 sehingga sekarang.

## **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

5. Di atas faktor pencapaian cemerlang dan pengalaman meluas ini, saya amat yakin, para hadirin sekalian sudah tidak sabar untuk mendengar perkongsian yang bakal disampaikan oleh Prof. Datuk Dr. Mohd Taib bin Dora sebentar lagi.
  
6. Diharapkan, sesi perkongsian ini dapat memberi inspirasi, meluaskan lagi pengetahuan dan pengalaman kita bersama

menerusi ilmu-ilmu baharu dan pengalaman-pengalaman terbaik yang bakal dikongsikan.

Pohon berangan berteduh serama,  
Subur merimbun Bunga Melati;  
Ilmu dikongsi manfaat bersama,  
Anjakan warga, membina universiti.

7. Dengan ini, saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik  
Walhidayah            Wassalamualaikum            Warahmatullahi  
Wabarakatuh